



# TIPS MENJADI KAKITANGAN YANG BAIK





- Adalah menjadi hasrat setiap pekerja ingin mendapat perhatian daripada Ketuanya.
- Kerana Ketua adalah kunci kepada peluang kenaikan pangkat.
- Kenaikan pangkat bererti bertambahnya pendapatan seseorang.

- Adalah wajar bagi setiap kakitangan mempunyai *skill* untuk memancing hati Boss serta mendapatkan nilai yang tinggi di dalam laporan prestasi.
- **BAGAIMANA CARANYA?**
- Selain mempunyai pertalian saudara dan kabel yang kuat, seseorang itu berpeluang dinaikkan pangkat melalui peradabannya dengan Ketua.
- Di sini diterangkan beberapa garis panduan yang dicadangkan oleh Pakar - Pakar Perunding.





# BANTU KETUA MENJALANKAN TUGAS

## CARANYA IALAH MELAKSANAKAN TUGAS ANDA DENGAN SEBAIK MUNGKIN

- Senang bukan? Namun ianya paling mudah dilupakan.
- Harus tahu hubungkait peranan anda dengan Ketua.
- Tugas Boss ialah bertanggungjawab memastikan sesuatu matlamat tercapai samada matlamat itu menyiapkan tender, menyelia kerja kontraktor atau memastikan rumput tepi jalan dipotong.
- Tugas anda pula ialah memastikan perkara - perkara terperinci kepada matlamat tadi.
- Misalnya menyediakan pelan dan spesifikasi, menyiapkan kerja - kerja mengikut yang ditentukan.
- Lebih cekap dan tepat anda membereskan tugas anda, lebih mudah bagi Boss.
- Sudah tentu diri anda akan lebih dihargai.



# KETAHUI STANDARD

- Seorang Ketua mempunyai *expectation* atau tahap di dalam menjalankan tugasnya.
- Dengan memerhatikan reaksinya kepada perkara - perkara yang berlaku di sekeliling, anda akan memahami *standard* Ketua anda.
- Anda hendaklah meneliti perkara - perkara yang menjadi keutamaannya.
- Prestasi anda akan ditentukan melalui *standard* ini.
- Misalnya seorang Jurutera yang cekap tetapi sering mengabaikan komen - komen Ketua tentang berpakaian dan kelakuan, adalah berkemungkinan tidak akan dinaikkan pangkat.
- Atau Kerani Kewangan yang melambat - lambatkan pembayaran kontraktor dan sentiasa perlu dikejar, mungkin tidak akan mendapat nilai yang tinggi dalam prestasi.
- Begitu juga sekiranya Juruteknik sentiasa perlu diingatkan untuk ke tapak kerja atau menyiapkan dokumen tender. Mereka tidak akan diberi peluang untuk kenaikan pangkat atau menyelia projek - projek tertentu.

ADAKAH ANDA SEBAGAI KETUA AKAN MENGESYORKAN KAKITANGAN YANG SENTIASA PERLU DIINGATKAN BERTUBI - TUBI DI ATAS KELEMAHAN YANG SAMA?



Seorang kakitangan yang bijak perlu peka kepada keinginan Boss (do's and don't) sebanyak yang mungkin



# P E M A K L U M



- Apabila anda diberikan tugas, kursus yang memerlukan jangka masa yang panjang, Ketua perlu sentiasa dimaklumkan akan perkembangannya.
- Maklumkan secara bertulis (memo) atau menerangkan kepadanya pada waktu - waktu yang tidak formal.



**JIKA TUGAS ITU RUMIT, SEDIAKAN LAPORAN BERTULIS.**



JIKA BOSS JARANG MEMBUAT PENYELIAAN TERUS KEPADA SESUATU TUGAS, ELOKLAH **DISEDIAKAN BUKU HARIAN TAPAK ATAU BUKU ARAHAN / LAPORAN.**

DAN **KETUA DIMAKLUMKAN DARI MASA KE SEMASA.**



**TERANGKAN IDEA - IDEA ATAU CARA ANDA MENJALANKAN TUGAS (BUKANNYA CARA KETUA MENJALANKAN TUGASNYA).**

# MASA ITU E M A S

## JANGAN SUKA BERBUAL KOSONG DENGAN KETUA.

Jika Boss betul - betul nak berbual, dia akan dengan sendirinya datang kepada anda untuk bersembang. Ada masa dan tempat untuk berbual.

- Berhati - hati apabila berjumpa dan berbincang.
- Jangan dikemukakan perkara - perkara yang remeh - temeh walaupun memang benar, Ketua adalah tempat untuk mengadu dan menyelesaikan masalah.
- Namun adakalanya masalah itu boleh diselesaikan sendiri tanpa mengganggu Boss.
- Anda seharusnya menunjukkan kepada Boss yang anda mampu untuk menyelesaikan masalah, bukannya memberi masalah kepadanya.



S E D I A

BERKHIDMAT



DATANG KERJA TEPAT PADA MASANYA



JANGAN PONTENG



SELESAIKAN TUGAS PADA WAKTU YANG DITETAPKAN



TUNJUKKAN KEPADA BOSS, ANDA SEDIA BERKHIDMAT APABILA DIPERLUKAN



BUKTIKAN ANDA BOLEH DIHARAPKAN



JANGAN KATA TAK BOLEH SELAGI BELUM USAHAKAN



TUNJUKKAN ANDA DI BARISAN HADAPAN



APABILA BOSS MENARUH HARAPAN, IANYA KELEBIHAN ATAU BONUS





# DEDIKASI

- 1 perkara yang sukar dilakukan Ketua ialah menimbulkan minat kerja kepada kakitangan apabila diberikan tugas.
- Kebanyakan kakitangan menganggap tugas atau pekerjaan 1 bebanan yang terpaksa.
- Mereka **tidak menunjukkan minat atau kesungguhan** apabila diberikan tugas.
- Kerja **separuh hati**.
- Kalau boleh suruh saja orang lain membuatnya.
- Datang kerja cuma **tunggu gaji**.
- Anda harus berubah sikap, tanya diri sendiri.
- Jika jawapan - jawabannya negatif, mungkin anda harus berfikir atau menukar pekerjaan.
- Janganlah dianggap ianya 1 bebanan apabila Boss menyuruh anda melakukan sesuatu tugasan.
- Jika anda bersungguh - sungguh dan menunjukkan minat, ia adalah sesuatu yang dihargai oleh Ketua anda.

Adakah anda bersedia datang awal dan balik lewat apabila diperlukan?

Adakah anda gembira & bangga dengan pekerjaan anda sekarang?



Adakah anda bersedia melakukan tugas tanpa terlebih dahulu memikirkan susahnyanya?

Adakah anda optimistik bekerja dengan kerajaan?

Sanggupkah anda membuat kerja lebih?



# SEDIA DITEGUR

- Jika anda sukar menerima teguran yang membina daripada Boss atau rakan sejawat, ianya 1 kelemahan yang amat serius.
- Jika anda makan hati atau masam muka setiap kali Boss menegur, lambat laun Boss akan terasa.
- Boss mungkin tidak senang dengan keadaan ini.
- Kakitangan yg **kepala angin** setiap kali ditegur, sering dijauhi Boss.
- Bagaimana hendak disayangi?
- INGAT! Memberi nasihat dan panduan tugas adalah tugas Ketua.
- Dengar apa katanya, pergunakan nasihatnya terhadap tugas.
- Elakkan bermain politik dlm banyak hal, perkara yang paling banyak meruntuhkan moral kakitangan & hubungan ialah GOSSIP.
- Jauhilah daripada mendengar berita angin atau gossip.
- Lakukan tugas masing - masing.
- Jangan berpihak apabila berlakunya perselisihan di pejabat.
- Kurangkan rungutan anda terhadap gangguan - gangguan kecil yang terbabit daripada sesuatu keputusan Ketua.
- Jika benar ianya mengganggu, jumpa Boss secara peribadi.
- Jgn mengumpat pada orang lain.
- Boss akan menghargai pandangan anda.



# E L A K   K O N F R A N T A S I

- Setiap individu mempunyai egonya.
- Setiap individu ingin menjadi juara.
- Namun janganlah di dalam keghairahan, anda cuba menunjuk - nunjuk.
- Mungkin anda tidak tahu apa - apa pun.



**TIDAK ADA SESIAPA BERKONFRANTASI  
DENGAN KETUA**



**JANGAN CEPAT MENUDING JARI  
SETIAP KALI BOSS BUKA MULUT, ATAU  
M E M A N D A N G   R E N D A H  
KEMAMPUANNYA**



**JANGAN SUKA MENYUSAHKAN  
HIDUPNYA**







# H O R M A T

Seorang professor berkata :

“JIKA KITA MENGANGGAP SESEORANG SEBAGAI OBJEK, APA YG TERJADI IALAH SATU EKSPLOITASI.

JIKA KITA MELAYANNYA SEPERTI SUBJEK (MEMPUNYAI PERASAAN) BUKAN SAHAJA EKSPLOITASI TERHENTI, BAHKAN PERKHIDMATAN AKAN BERMULA”

**KITA PERLU SALING HORMAT MENGHORMATI**

Boss adalah manusia juga seperti anda.

Respect

**THANKS**  
**FOR WATCHING**

